



BAB I



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN TAJUK KAJIAN

Hisbah merupakan alat pengawasan untuk memantapkan sistem pengurusan dan pentadbiran. Ia terdiri daripada dua kawalan iaitu kawalan dalaman serta luaran. Ia juga bertujuan untuk membendung kecuaian dan kelalaian manusia. Di dalam Islam , institusi *Hisbah* merupakan sebuah institusi yang unik untuk dikaji dan ini membezakannya dengan sistem-sistem yang lain. Ia merupakan salah satu institusi yang bertugas untuk memastikan pelaksanaan makruf yang ternyata ditinggalkan, dilaksanakan semula agar ia tidak terus ditinggalkan. Manakala kemungkaran yang ternyata dilakukan pula hendaklah dicegah dan dipastikan agar ia tidak terus dilakukan. Tugas atau bidangkuasa wilayah *Hisbah* ini adalah luas seluas pengertian makruf dan mungkar yang jelas menurut hukum syarak¹.

Dari sudut yang lain, *Hisbah* berfungsi menerapkan tahap etika dan agama dalam urusan seharian, khususnya di dalam perniagaan dan perdagangan. Ini adalah kerana *Hisbah* bukan sahaja merupakan peraturan kerohanian, malah sebagai organisasi lengkap dengan lingkungan Islam yang mutlak serta aspek-aspek duniawi.

¹ Mahmud Saedon A.Othman (1993), *Institusi Pentadbiran Undang-undang Dan Kehakiman Islam.*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka , hlm. 183.

Institusi *Hisbah* yang lahir dalam sejarah tamadun Islam ini mempunyai matlamat memberikan pengawasan kepada urusan kehidupan manusia yang berkaitan dengan perniagaan, perdagangan, pentadbiran, pergaulan, perhubungan, pengangkutan, sukan, pendidikan serta perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan kemudahan awam². Institusi *Hisbah* melibatkan bidang yang luas iaitu soal ekonomi dan perdagangan, sosial sehinggalah kepada perkara-perkara ibadat dan keagamaan.

Institusi *Hisbah* juga mampu berfungsi sebagai wahana penting untuk melicinkan dan memantapkan urusan pentadbiran negara dan memelihara kesejahteraan rakyat. *Hisbah* mampu berfungsi dalam usaha mengawasi perjalanan urusan pemerintahan negara dan kegiatan ekonomi secara keseluruhan supaya penyelewengan, kezaliman, penyalahgunaan, penindasan, korupsi dan seumpamanya tidak berlaku³. Dalam erti kata yang lain mengawas pengurusan dalam pentadbiran seperti apa yang telah diperintahkan oleh Allah Taala kepada masyarakat seluruhnya.

Sungguhpun institusi ini telah lama dipraktikkan, namun ianya bukanlah sebuah institusi yang lapuk dan tidak boleh diterima pakai. Akan tetapi institusi ini perlu diberi pengubahsuaian supaya sesuai dengan keadaan dan situasi semasa. Sehubungan dengan itu, dalam pentadbiran di jabatan-jabatan kerajaan terdapat bahagian-bahagian yang menjalankan tugas-tugas pengawasan seperti yang telah dipraktikkan oleh institusi *Hisbah* pada zaman silam. Di Kementerian Perdagangan

² Auni Hj Abdullah (2000), *Hisbah Dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS, hlm. 1.

³ *Ibid.*, hlm. 13.

Dalam Negeri umpamanya terdapat bahagian penguatkuasaan yang menjalankan tugas pengawasan bagi memenuhi tanggungjawab melindungi kegiatan ekonomi selain daripada mengawasi urusan jual beli, peminjaman, keselamatan, dan sebagainya.

Namun demikian, sejauh mana peranan mereka menjalankan tugas pengawasan terutamanya dalam bidang perdagangan menjadi satu persoalan kepada kita. Ini memandangkan masih banyak penyelewengan-penyelewengan dan jenayah-jenayah perdagangan yang berlaku hari ini. Bagi mengupas segala persoalan tersebut memerlukan kajian yang lebih terperinci terhadap Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP. Hasil daripada perbincangan maklumat-maklumat yang diperolehi akan disusuli dengan rumusan dan cadangan kepada Bahagian ini agar kelemahan yang wujud di dalam pengurusan mereka dapat diperbaiki. Dengan kajian ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu usaha-usaha Bahagian Penguatkuasa merealisasikan matlamat mereka untuk mewujudkan suasana perdagangan yang beretika.

1.2 PENGERTIAN TAJUK

Sebelum tajuk ini dibincangkan dengan lebih lanjut, penulis merasakan perlu dihuraikan tajuk disertasi ini terlebih dahulu. Tajuk yang telah diluluskan oleh pihak Ijazah Tinggi kepada penulis adalah seperti berikut :

"Institusi Hisbah Dalam Pentadbiran Islam : Suatu Kajian Mengenai Sejarah Dan Pelaksanaannya Di Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna".

Perkataan ‘*Hisbah*’ pada dasarnya mempunyai pelbagai pengertian. Ia berasal dari perkataan Bahasa Arab *ḥasaba* dan *al-Iḥtisāb* dipakai dalam melakukan sesuatu yang diperhitungkan pahalanya di sisi Allah.

Manakala menurut Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān di dalam bukunya *Niẓām al-Qaḍā Fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, *Hisbah* dari segi bahasa bermakna *iḥtisāb* iaitu meneliti, mentadbir, melihat, mencegah atau menahan seperti mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran atau mendapat balasan seperti seseorang melakukan kebaikan untuk mendapat balasan (*hisbah*) daripada Allah⁴.

Perkataan ‘institusi’ menurut Kamus Dewan bererti badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk sesuatu tujuan tertentu⁵. Institusi juga bermaksud suatu badan organisasi formal yang diadakan untuk tujuan tertentu atau suatu (agama, ciri-ciri budaya) yang sudah berakar umbi dan menjadi kukuh dalam masyarakat⁶. Daripada pengertian-pengertian di atas, maka institusi *Hisbah* dapat ditakrifkan sebagai satu jabatan yang dipimpin oleh seorang ketua (*muhtasib*) yang bertanggung jawab menentukan kebaikan dilaksana dan kemungkaran dihindari.

⁴ Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1984), *Niẓām al-Qaḍā Fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*. Baghdād: Matba'ah al-Aini, hlm. 311.

⁵ Dr. Teuku Iskandar (1998), *Kamus Dewan*. Cet. 3, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 494.

⁶ Kelana C.M dan Lai Choy (1995), *Kamus Perwira*, Cet.1, Penerbitan Daya, T.T.P., hlm. 511.

Bagi perkataan ‘pelaksanaan’ pula bermakna perihal atau perbuatan melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dan sebagainya)⁷.

Perkataan ‘bahagian’ membawa pengertian unit dalam sesebuah jabatan (syarikat) dan lain-lain yang menjalankan fungsi tertentu⁸. Pengertian ini bertepatan dengan pengkajian disertasi ini iaitu penulis telah memilih Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri sebagai tempat kajian.

Bagi perkataan ‘penguatkuasa’ pula, Dr. Teuku Iskandar di dalam Kamus Dewan telah memberikan pengertiannya secara berasingan iaitu ‘penguat’ yang diberi maksud sesuatu yang menguatkan dan perkataan ‘kuasa’ yang bererti hak dan kewibawaan atas sesuatu atau untuk melakukan (mengurus, memerintah dan lain-lain) sesuatu (ditentukan oleh undang-undang, peraturan dan lain-lain)⁹. Dengan ini dapat difahami bahawa perkataan ‘penguatkuasa’ membawa erti pihak atau badan yang dipertanggungjawabkan dengan kuasa untuk mengurus atau memerintah sesuatu peraturan atau undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Perkataan Kementerian pula membawa maksud urusan atau jabatan yang dipegang oleh menteri¹⁰. Manakala perkataan ‘perdagangan’ pula bererti perihal dagangan, urusan bermiaga, perniagaan yang biasanya dijalankan antara negara-negara¹¹. Dengan ini jelaslah Kementerian Perdagangan berfungsi sebagai sebuah

⁷ Teuku Iskandar,*op.cit.*, hlm. 748.

⁸ *Ibid.*, hlm. 69.

⁹ Dr. Teuku Iskandar, *op.cit.*, hlm. 611.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 757.

¹¹ *Ibid.*, hlm. 223.

jabatan yang menguruskan hal ehwal perdagangan atau perniagaan yang dijalankan di antara sesebuah negara atau negeri.

Dengan pengertian-pengertian ringkas seperti yang dinyatakan di atas, dapatlah difahami tajuk disertasi ini adalah suatu kajian yang berkaitan dengan urusan pengawasan atau kawalan Islam, atau berkaitan dengan pentadbiran Islam dan ianya difokuskan ke atas Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna.

1.3 PERUMUSAN MASALAH

Dalam proses pengkajian disertasi ini, penulis ingin mengkaji beberapa perkara berkaitan seperti:

1. Bagaimanakah pelaksanaan institusi Ḥisbah dalam sejarah tamadun Islam khususnya dalam bidang ekonomi perdagangan?
2. Sejarah pelaksanaan institusi Ḥisbah pada beberapa zaman pemerintahan seperti:
 - a) Zaman Nabi Muḥammad s.a.w..
 - b) Zaman Khulafak ar-Rāsyidin
 - c) Zaman pemerintahan Bani Umayyah
 - d) Zaman pemerintahan `Abbāsiyyah
3. Bagaimanakah kedudukan Ḥisbah dari sudut pengadilan?

4. Bagaimanakah sejarah dan struktur pentadbiran Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna yang menjadi tempat kajian penulis.
5. Bagaimanakah sejarah pentadbiran penguatkuasaan di Malaysia sebelum ini?
6. Bagaimanakah dengan pengrealisasian pelaksanaan sebahagian fungsi *Hisbah* di Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP ini?

Tujuan penyelidikan ini juga bertitik tolak dari pelbagai persoalan seperti :

- Sejarah penubuhan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP dan apakah bidangkuasa dan aktiviti-aktivitinya?
- Bagaimanakah pula tindakan yang dijalankan ke atas peniaga yang melakukan kesalahan?
- Bagaimanakah pengamalan *Hisbah* dilaksanakan dalam tradisi sejarah pemerintahan Islam?
- Bagaimanakah yang dikatakan pengurusan Islam dan apakah perbezaannya dengan pengurusan yang diamalkan oleh jentera pentadbiran kini?
- Apakah sumbangan dan keistimewaan *Hisbah* yang pernah dilaksanakan sebelum ini dalam sejarah pentadbiran Islam?

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah berkepentingan untuk difahami pengertian dan konsep *Hisbah* sejelas jelasnya di samping untuk memahami matlamat sebenar institusi ini.

Penulis merasakan kajian ini mempunyai nilai kepentingan yang tinggi kerana para pembaca akan dapat membuat penilaian tersendiri terhadap institusi ini sekiranya direalisasikan dalam perjalanan pentadbiran. Hal ini memandangkan institusi ini berperanan menentukan makruf dilaksanakan apabila jelas makruf itu dtinggalkan dan mempastikan perkara mungkar dielakkan apabila ternyata ianya dilakukan. Ia merupakan satu penjelmaan daripada perintah al-Quran. Sebagai salah satu dari komponen institusi pengadilan Islam, ia juga berperanan untuk ¹²:

- Mendedahkan pencapaian umat Islam dalam bidang perniagaan dan perdagangan.
- *Hisbah* telah menunjukkan keupayaan umat Islam untuk mengkaji dan menganalisa urusan perdagangan.
- Institusi *Hisbah* ialah sumber yang kaya untuk menggubal dasar pentadbiran Islam. Oleh sebab inilah dasar-dasar ini terletak dalam prinsip keadilan dan kecekapan dan kejujuran sebagai nilai *intrinsik* dalam pentadbiran sepanjang zaman.
- Falsafah pengurusannya menyerlahkan prinsip moral dan etika perdagangan Islam seperti mana yang disarankan oleh syariat.
- Untuk memperlihatkan bahawa pengrealisasian prinsip tersebut dapat menjadi panduan ke arah melahirkan masyarakat yang mengamalkan etika perdagangan yang baik.

¹² Muhammad al-Buraey (1985), *Administrative Development : An Islamic Perspective*. London : Kagan Paul International, hlm. 46 .

1.5 ULASAN PENULISAN

Berdasarkan penelitian penulis, terdapat beberapa penulisan berkaitan dengan institusi *Hisbah* ini. Kebanyakan karya penulisan tersebut ditulis di dalam bahasa asing seperti Bahasa Arab dan sebilangan kecilnya di dalam Bahasa Inggeris. Karya-karya mengenai *Hisbah* telah muncul di pelbagai wilayah Islam pada zaman silam. Kemunculan karya-karya ini menggambarkan betapa pentingnya wilayah *Hisbah* pada waktu tersebut.

Setakat kajian yang dibuat, karya-karya ini diterbitkan dalam tiga bentuk seperti penulisan khusus tentang *Hisbah*, penulisan yang membincangkan tentang pemikiran politik Islam atau pemerintahan dan menjadikan *Hisbah* sebagai tajuk kecil sebagai contoh perbincangannya dan bentuk ketiga ialah penulisan yang diterbitkan dalam bentuk tajuk kecil yang mana ianya diceritakan secara ringkas sahaja. Di antara karya-karya penulisan yang menjadi contoh dan rujukan penyelidikan penulis seperti :

Abū al-Ḥassan ‘Alī al-Mawardi (1973), *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah Wa al-Wilāyat ad-Diniyyah*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, Cet.3, hlm. 240-259. *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah* ditulis oleh Abū al-Ḥassan ‘Alī al-Mawardi. Karya ini merupakan karya khusus yang dihasilkan pada zaman lampau. Beliau meletakkan al-*Hisbah* sebagai tajuk kecil diakhirnya, namun perbincangan yang dibuat adalah menyeluruh dan padat terutamanya perbincangan mengenai bidang tugas pegawai

Hisbah iaitu *muhtasib*. Karya beliau ini menjadi rujukan utama penulis-penulis selepas zamannya.

'Abdur Rahmān ibn Naṣr Al-Syaizari⁷ (1981), *Nihāyat al-Rutbah fi Ṭalab al-Hisbah*. Beirut: Dār as-Saqāfah. Sepertimana al-Mawardi, al-Syaizari banyak membincangkan secara terperinci dalam karyanya itu berkaitan dengan keperluan dan syarat-syarat menjadi *muhtasib* serta pelbagai aspek mengenai timbangan dan sukatan. Karya ini yang dibahagikan kepada 40 bab merupakan karya khusus yang membincangkan tentang aspek-aspek berkaitan dengan *Hisbah*. Beliau juga telah menggariskan beberapa perkara berkaitan panduan bagi *muhtasib* menjalankan kerja-kerja pengawasan.

Auni Bin Haji Abdullah (2000), *Hisbah Dan Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur: IKDAS. Penulisan buku ini keseluruhannya membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan institusi *Hisbah*. Ini termasuklah perkembangannya dari sudut sejarah pengamalan Institusi *Hisbah* pada zaman-zaman tertentu. Beliau juga menyentuh tentang aspek-aspek pengurusan Islam yang mempunyai nilai kepentingan yang tinggi di samping mengaitkan dengan aspek-aspek pengurusan moden. Karya ilimah ini merupakan karya terkini yang penulis temui setakat ini.

Mahmud Saedon Awang Othman (1996), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang Dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 182-200. Penulis buku ini telah membincangkan tentang Institusi *Hisbah* dalam satu bab sahaja. Perbincangan yang agak ringkas meliputi beberapa perkara asas seperti

takrif, hukum *Hisbah* dan rukun-rukunnya. Di akhir perbincangannya disentuh secara ringkas kaitannya dengan peruntukan undang-undang di Malaysia.

Ahmad Che Yaacob, "Penulisan Fuqaha Mengenai *Hisbah* dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh", *Jurnal Syariah*, Jil.7, Bil. 2, Julai 1999, hlm.33-48. Penulis artikel ini memfokuskan perbincangannya kepada hasil-hasil penulisan tentang *Hisbah* yang ditulis oleh para ulama' samada berbentuk teori dan juga praktikal. Artikel ini juga menjurus kepada perkembangan bidang tugas *muhtasib* yang menjadi amalan suatu ketika dahulu terutamanya tugasnya di dalam urusan ekonomi. Beliau merupakan seorang penulis zaman ini yang banyak mengkaji dan berkarya tentang Institusi *Hisbah* berbanding dengan penulis-penulis sejarah tamadun Islam lain.

Ahmad Bin Che Yaacob, "Institusi *Hisbah*: Suatu Pengenalan", *Jurnal Fikrah*, Jil. 2, Jan-Dis 1999, hlm. 119-126. Penulisan artikel beliau yang kedua ini hanya menyentuh tentang pengenalan Institusi *Hisbah*. Seperti hasil penulisan yang lain, beliau membincangkan takrif *Hisbah* dari dua sudut iaitu bahasa dan istilah dan membuat kesimpulan berdasarkan takrifan yang diberikan oleh ulama'-ulama' terdahulu. Perbincangan seterusnya meliputi sejarah asal-usul Institusi *Hisbah* dan hasil daripada perbincangan beliau yang agak ringkas itu dapat dibuat satu kesimpulan bahawa Institusi *Hisbah* adalah merupakan warisan Islam dan bukannya ditiru dari peradaban lain.

Terdapat juga beberapa kajian lain yang telah dibuat berkaitan dengan institusi *Hisbah*. Di antaranya seperti latihan-latihan ilmiah yang dihasil oleh para pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda, namun masih terdapat kekurangan yang perlu diperbaiki. Keadaan ini mendorong penulis untuk membincangkan tajuk disertasi ini dengan lebih sempurna.

1.6 TUJUAN PENYELIDIKAN

Penulis telah memilih untuk membuat kajian dan penyelidikan mengenai tajuk ini berdasarkan kepada beberapa tujuan. Tujuan-tujuan tersebut seperti :

- Untuk mengetahui perspektif sebenar institusi ini yang mana sebelum ini agak kabur untuk difahami terutamanya untuk direalisasikan dalam urusan pentadbiran. Kefahaman terhadap perspektif ini adalah penting bagi menjelaskan kepada pihak pentadbiran bahawa di dalam soal pengawasan perlu juga ditekankan dengan prinsip etika dan akhlak di samping etika-etika lain.
- Untuk mengkaji warisan khazanah persuratan Islam yang amat berharga untuk sama-sama difikir mengenai soal pengurusan Islam. Hakikatnya, institusi *Hisbah* ini merupakan salah satu warisan yang lahir dalam sejarah tamadun Islam, yang perlu dikaji dengan teliti supaya dapat dijadikan alat bagi menangani pelbagai cabaran yang berlaku hari ini.

- Untuk mengketengahkan salah satu aspek daripada khazanah pengurusan, pentadbiran dan perundangan Islam yang pernah diamalkan di zaman silam. Institusi *Hisbah* memainkan peranan penting pada waktu itu sebagai sebuah badan pengawasan khususnya dari segi moral dan etika peniaga.
- Untuk mengetahui kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam pengurusan institusi pengawasan hari ini, di samping mencari penyelesaian terbaik untuk memperbaiki perkhidmatan mereka. Dengan ini, masalah-masalah sosial yang wujud di dalam urusan perdagangan dapat di atasi walaupun tidak secara keseluruhan.
- Untuk melihat institusi-institusi pengawasan yang menjalankan fungsi pengawasan sepetimana yang dilaksanakan oleh Institusi *Hisbah* pada zaman silam. Kajian ini mengkaji sejauhmana peranan yang dimainkan oleh Bahagian Penguatkuasa sebagai salah satu badan yang bertugas mengawasi kegiatan perdagangan dalam negeri di Malaysia.

1.7 SKOP KAJIAN

Bagi memudahkan kajian mengenai Institusi *Hisbah* ini, skop kajian dibatasi kepada beberapa perkara utama. Dalam kajian ini, di samping aspek-aspek lain, tiga perkara utama menjadi tumpuan penulis iaitu pengenalan Institusi *Hisbah* secara teoritikal, sejarah pelaksanaan Institusi *Hisbah* pada zaman silam dan juga

pelaksanaan fungsi penguatkuasaan di Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP Kuala Lumpur dan juga Bahagian Penguatkuasa Cawangan Selangor.

Perbincangan pertama terdiri daripada pengenalan tentang *Hisbah* yang mana penulis banyak membincangkan tentang takrif *Hisbah* dari segi bahasa dan istilah dan juga berdasarkan al-Qurān dan as-Sunnah. Diselitkan juga hikmah pensyariatan *Hisbah* serta hukumnya. Dalam bahagian yang pertama ini penulis banyak membincangkan mengenai *Hisbah* ini secara teoritikal supaya pentakrifannya dapat difahami dengan mudah.

Perbincangan juga meliputi sejarah perlaksanaan institusi *Hisbah* pada zaman Rasulullah s.a.w., Khulafak ar-Rasyidin dan dua zaman selepasnya yang mana ianya berkait rapat dengan soal keadilan dalam negeri. Dalam bahagian ini juga penulis menyelitkan beberapa perkara penting mengenai hal ehwal pentadbiran yang dijalankan di dalam institusi *Hisbah* seperti bidang kekuasaannya, kedudukannya dari perspektif pengadilan dan pentadbiran, seterusnya pelaksanaan *Hisbah* dalam hal ehwal perdagangan.

Dalam kajian ini, penulis lebih memfokuskan kepada kajian praktikal terutamanya di dalam bab tiga dan empat. Kajian banyak membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan struktur pentadbiran ‘Bahagian Penguatkuasa’ Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Bahagian ini telah menjurus kepada tempat penyelidikan penulis. Dari bahagian ini, penulis memaparkan tentang sejarah penubuhan, struktur organisasi dan objektif penubuhan Bahagian Penguatkuasa ini. Penulis juga

mengketengahkan kedudukan penguatkuasa dan pentadbiran bandaraya di samping melihat hubungan *Hisbah* dengan institusi pengadilan dan eksekutif serta fungsinya sekali.

Kajian ini juga ditumpukan kepada bidangkuasa dan aktiviti Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri di Kuala Lumpur dan Selangor. Ia merangkumi juga aktiviti-aktiviti, prosedur tindakan dan jenis-jenis hukuman. Apa yang penting di dalam bab ini adalahuraian penulis mengenai akta-akta yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasa dan tindakan-tindakan yang dikenakan bagi kesalahan melanggar akta-akta tersebut. Di sini penulis juga ingin menarik perhatian pembaca dengan membincangkan tentang perbandingan pelaksanaan dengan pengurusan Islam. Dengan ini penulis merasakan para pembaca akan dapat membuat penilaian berkaitan dengan pentadbiran yang dijalankan dan membandingkan dengan pengurusan Islam yang telah disyorkan di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Perbandingan dari sudut peranan yang dimainkan di antara Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai *Hisbah* juga dapat dilihat dengan jelas di dalam perbincangan ini. Seterusnya, penulis membuat sedikit tinjauan terhadap Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPSWP) dan juga golongan peniaga yang mana golongan ini sering berurusan dengan Bahagian Penguatkuasa. Tinjauan ini bertujuan untuk melihat sejauhmana keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh kedua-dua Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP.

Skop yang terakhir dimasukkan rumusan berkaitan perkara-perkara yang telah dibincangkan sebelum ini dan saranan-saranan diberikan supaya pihak-pihak terbabit

akan berusaha memperbaiki sedikit sebanyak kelemahan yang mungkin berlaku dalam pentadbiran organisasi mereka.

1.8 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam proses mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan tajuk ini, penulis telah menggunakan beberapa metod yang berkaitan seperti :

- i) Metod Penentuan Subjek
 - ii) Metod Pengumpulan Data
-
- i) Metod Penentuan Subjek

Metod ini diperlukan berdasarkan jumlah subjek yang hendak dikaji. Penulis telah memilih Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP sebagai sample di samping melihat juga aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan di Bahagian Penguatkuasa Cawangan Negeri Selangor. Memandangkan aktiviti perdagangan banyak berlaku di Kuala Lumpur, adalah memadai dengan hanya memilih KPDNHEP Kuala Lumpur sebagai subjek utama. Begitu juga dengan pemilihan Bahagian Penguatkuasa Cawangan Ibu Pejabat Selangor Darul Ehsan yang mana kebanyakan aktiviti perdagangan berkembang pesat di negeri ini . Ia berkepentingan dari segi perdagangan memandangkan kedudukan negerinya yang hampir dengan pelabuhan. Oleh itu, kedua-dua tempat ini amat memadai bagi mewakili keseluruhan Bahagian Penguatkuasa di Malaysia.

ii) Metod Pengumpulan Data

Dalam proses mengumpulkan data untuk kajian ini, penulis telah membuat dua jenis bentuk kajian seperti :

a) Kajian perpustakaan.

Kajian perpustakaan dilakukan bagi mendapatkan data-data mengenai latar belakang tajuk disertasi ini secara teori, dan ini merangkumi sejarah perlaksanaannya dalam sejarah tamadun Islam, hukum-hukum, bidangkuasa penguasa dan sebagainya lagi. Melalui kajian ini, metod dokumentasi digunakan bagi mendapatkan keseluruhan data tersebut. Data-data tersebut diperolehi melalui buku-buku ilmiah, jurnal, risalah, kertas-kertas persidangan, artikel-artikel, ensiklopedia, akhbar-akhbar, CD-Interaktif dan lain-lain yang terdiri daripada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Arab.

Selain itu penulis juga mendapatkan maklumat berkaitan Bahagian Penguatkuasa ini melalui risalah yang dikeluarkan sendiri oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan kerjasama dengan Persatuan Pengguna. Tidak ketinggalan juga, penulis menggunakan perkhidmatan internet dengan melayat sendiri ke laman web <http://www.kpdnhq.gov.my> . bagi mendapatkan fakta berkaitan dengan Bahagian Penguatkuasa dalam kajian ini.

Data-data yang diperolehi sebahagian besarnya diambil dari sumber-sumber primer yang mana ini memantapkan lagi penyelidikan penulis. Sumber-sumber sekunder juga digunakan sekiranya sumber primer yang diperlukan tidak diperolehi

semasa proses menganalisa dilakukan. Selain itu metod Historis juga digunakan bagi memastikan kajian penulis berkaitan pelaksanaan institusi *Hisbah* ini pada zaman silam dapat dilakukan dengan mudah dan tepat.

b) Kajian lapangan

Sesi wawancara diadakan dengan Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Perancangan dan Sumber) Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Ia bertujuan bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan kedudukan bahagian ini di dalam struktur organisasi di samping bidangkuasa dan aktiviti-aktiviti mereka. Wawancara diadakan secara langsung dengan Timbalan Ketua Pengarah sendiri supaya maklumat yang diperolehi adalah jelas dan tepat. Manakala di Bahagian Penguatkuasa Cawangan Selangor, wawancara diadakan dengan Encik Shahrom Bin Mansur selaku Penolong Pegawai Penguatkuasa di situ.

Penulis juga mengadakan temubual dengan beberapa orang peniaga di beberapa tempat di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Temubual ini diadakan untuk mendapatkan sedikit pandangan daripada golongan ini berhubung dengan perkhidmatan Bahagian Penguatkuasa. Bagi mendapatkan maklumat mengenai aduan-aduan oleh orang ramai, temubual dibuat dengan pegawai-pegawai di Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPSWP).

c) Metod Analisa Data

Melalui data-data yang diperolehi, satu pengolahan dilakukan bagi memudahkan proses penganalisaan data-data tersebut. Bagi memperolehi data yang tepat, penulis telah menggunakan semua jenis metod-metod berfikir dalam penulisan ilmiah secara pendekatan iduktif, deduktif dan komparatif.

1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam kajian ini, penulis membahagikannya kepada lima bab yang mana dapat diringkaskan seperti berikut:

Bab Pertama : Dalam bab pertama penulis memasukkan pengenalan kepada tajuk kajian secara umum, pengertian tajuk bagi kajian ini berserta kepentingan kajian ini dibuat, tujuan penyelidikan, skop kajian dan metodologi penyelidikan yang telah digunakan dalam proses membuat kajian ilmiah ini.

Bab Kedua : Dalam bab kedua, penulis membincangkan tentang perlaksanaan *Hisbah* dalam sejarah tamadun Islam. Perbincangan meliputi pengenalan dan takrif *Hisbah*, dalil-dalil pensyariatan *Hisbah* berserta hukum dan rukun-rukun *Hisbah*. Seterusnya penulis membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan bidangkuasa institusi *Hisbah* dan pelaksanaannya dalam perdagangan Islam. Bagi memantapkan lagi kajian ini, penulis membincangkan sejarah pelaksanaan *Hisbah* pada zaman Rasūlullah s.a.w., Zaman Khulafak ar-Rasyidin sehingga pada zaman pemerintahan Abbāsiyah.

Bab Ketiga : Bab ini merupakan kajian utama penulis yang mana kajian secara menyeluruh telah dibuat di kedua-dua Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP iaitu di Kuala Lumpur dan Cawangan Selangor terutama berkaitan dengan struktur pentadbiran bahagian ini. Sebelum itu, dibincangkan secara ringkas teori penguatkuasaan dalam konteks pentadbiran moden dan juga sejarah pentadbiran penguatkuasaan di Malaysia sebagai permulaan bagi bab ini. Perbincangan seterusnya meliputi selok belok pentadbiran di Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP seperti sejarah penubuhan, organisasi dan objektif, perjawatan serta keseluruhan yang berkaitan dengan pengenalan kepada kementerian dan Bahagian Penguatkuasa ini.

Bab Keempat : Bab ini merupakan lanjutan kepada bab yang sebelumnya. Perbincangan lebih menyeluruh terutamanya bidangkuasa dan aktiviti Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP. Ini juga termasuklah akta-akta yang dikuatkuasakan dan tindakan-tindakan hukuman yang diambil ke atas pesalah-pesalah. Apa yang menarik di dalam bab ini ialah perbincangan berkaitan perbandingan perlaksanaannya dengan pengurusan Islam.

Bab Kelima : Bab kelima ini yang juga merupakan bab terakhir bagi kajian ini dimasukkan rumusan berkaitan dengan perbincangan-perbincangan yang telah dibuat sebelum ini. Akhirnya diusulkan cadangan-cadangan yang membina agar pihak berkenaan dapat memperbaiki prestasi perkhidmatan mereka.